



UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGGAL 43

**AKTA BINATANG-BINATANG MUSUH
PERTANIAN DAN
TUMBUH-TUMBUHAN YANG
MEROSSAKKAN**

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 43

**BINATANG-BINATANG MUSUH
PERTANIAN DAN
TUMBUH-TUMBUHAN YANG
MEROSEKKAN**

PENYUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Lantikan pegawai-pegawai pemeriksa
4. Penyerahan kuasa-kuasa
5. Pegawai-pegawai pemeriksa sebagai kakitangan kerajaan
6. Kuasa seorang pegawai pemeriksa untuk memasuki dan memeriksa tanah, dan sebagainya
7. Kuasa untuk mengarahkan pemusnahan atau rawatan ke atas tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang musuh tumbuhan atau rawatan tanah
8. Hak untuk merayu

9. Menguatkuasakan mana-mana tindakan yang dikehendaki oleh mana-mana notis di bawah bab 7 atau perintah di bawah bab 13 (1)
10. Hukuman kerana ingkar
11. Kuasa Mahkamah yang mensabitkan kesalahan untuk memerintahkan supaya tindakan diambil
12. Kewajipan apabila ternampak suatu binatang musuh tumbuhan yang merbahaya
13. Kuasa untuk mengambil tindakan terhadap binatang musuh tumbuh-tumbuhan yang merbahaya
14. Hukuman kerana ingkar
15. Peruntukan-peruntukan mengenai gantirugi
16. Larangan bagi pengimportan atau pemilikan tumbuh-tumbuhan yang merosakkan
17. Kewajipan untuk memusnahkan tumbuh-tumbuhan yang merosakkan
18. Tindakan jika tumbuh-tumbuhan yang merosakkan tidak dimusnahkan
19. Kuasa pegawai-pegawai kastam untuk memusnahkan tumbuh-tumbuhan yang merosakkan
20. Hukuman
21. Pemindahan secara jenayah binatang-binatang musuh tumbuhan yang merbahaya atau tumbuh-tumbuhan yang merosakkan
22. Menyampaikan notis-notis dan perintah-perintah
23. Pendakwaan-pendakwaan hendaklah dibenarkan oleh Pendakwa Raya
24. Aturan-aturan

**AKTA BINATANG-BINATANG MUSUH
PERTANIAN DAN TUMBUH-TUMBUHAN
YANG MEROSAKKAN**

Suatu Akta untuk memperuntukkan bagi perlindungan tumbuh-tumbuhan dan hasil-hasil tanaman dari pada penyakit dan untuk memperuntukkan bagi pemusnahan binatang-binatang musuh tumbuhan dan tumbuh-tumbuhan yang merosakkan

11 tahun
1962

Permulaan kuatkuasa : 1hb Ogos 1971 S. 137/71

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Binatang-Binatang Musuh Pertanian dan Tumbuh-Tumbuhan Yang Merosakkan.

Gelaran Pendek

2. Dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

Tafsiran

“binatang musuh tumbuhan yang merbahaya” bermakna sebarang binatang musuh tumbuhan yang diisyiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sebagai binatang musuh tumbuhan yang merbahaya bagi maksud-maksud Akta ini ;

“penyakit” bermakna diserang oleh atau dijangkiti atau dihinggap oleh sebarang binatang musuh tumbuhan ;

“pegawai pemeriksa” bermakna mana-mana pegawai pemeriksa yang dilantik di bawah bab 3 dan termasuk Pengarah Pertanian ;

“tanah” termasuk benda-benda yang dikembarkan kepada bumi atau dipasang dengan tetap ke sebarang benda yang dikembarkan kepada bumi dan bangunan-bangunan ;

“tumbuhan yang merosakkan” bermakna sebarang tumbuhan yang diisyiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sebagai suatu tumbuhan yang merosakkan bagi maksud-maksud Akta ini dan termasuk benih dan tiap-tiap bahagian tumbuhan tersebut ;

“penduduk” termasuk seorang pemajak atau penyewa dan seorang petani atau yang orang sebenarnya mempunyai, mengurus atau mengawal sebarang tanah ;

Penggal 36

“pegawai kastam” hendaklah mempunyai makna yang sama seperti di dalam Akta Kastam ;

“tuanpunya” bermakna tuanpunya sebarang tanah yang berdaftar ;

“binatang musuh tumbuhan” termasuk sebarang serangga, binatang yang tidak bertulang belakang, binatang mengunggis, benah, kulat, tuma, kuman, hama atau penyakit, yang merosakkan atau merbahaya, secara langsung atau tidak langsung, kepada sebarang tumbuhan dan termasuk telur-telur mana-mana binatang musuh tumbuhan ;

“tumbuhan” bermakna sebarang jenis sayur-sayuran dan sebarang bahagian tumbuhan sama ada yang hidup atau mati dan termasuk batang, akar, daun, bunga, buah atau mana-mana bahagian atau sebarang apa juar benda yang dibuat dari sebarang tumbuhan sama ada yang telah dikerat atau melekat ;

“mengkuarantinkan” bermakna mengasingkan sebarang tanah atau bangunan-bangunan bagi maksud-maksud Akta ini atau sebarang aturan yang dibuat di bawahnya supaya jangan berlaku perhubungan atau

lalulintas dengan sebarang tanah atau bangunan-bangunan lain kecuali menurut Akta ini atau mana-mana aturan yang dibuat di bawahnya ;

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh melantik secara bertulis mana-mana pegawai dari Jabatan Pertanian menjadi seorang pegawai pemeriksa bagi maksud-maksud Akta ini.

Lantikan
pegawai-
pegawai
pemeriksa

4. Mana-mana pegawai pemeriksa boleh secara bertulis yang ditandatanganinya menyerahkan kepada mana-mana pegawai yang rendah darinya untuk menjalankan dan melakukan mana-mana kuasa atau tugas yang diberikan kepada seorang pegawai pemeriksa oleh Akta ini, dan pegawai rendah tersebut boleh selepas itu menjalankan dan melakukan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang dilakukan sedemikian.

Penyerahan
kuasa-kuasa

5. Semua pegawai kepada siapa kuasa-kuasa dan tugas-tugas telah diberi apabila bertindak di dalam lingkungan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberi sedemikian di bawah Akta ini atau mana-mana aturan yang dibuat di bawahnya, hendaklah dianggap sebagai kakitangan-kakitangan kerajaan di dalam bidang makna Kanun Hukuman Jenayah.

Pegawai-
pegawai
pemeriksa
sebagai
kakitangan
kerajaan

6. (1) Tiap-tiap pegawai pemeriksa mempunyai kuasa untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah dengan atau tanpa pembantu-pembantu, ke atas sebarang tanah di mana ada sebarang tumbuhan atau telah ditanam dan berada di atas tanah tersebut seberapa lama yang difikirkan perlu bagi maksud-maksud yang berikut —

Kuasa
seorang
pegawai
pemeriksa
untuk
memasuki
dan
memeriksa
tanah, dan
sebagainya

(a) untuk memeriksa tanah tersebut dan semua tumbuhan yang berada di atasnya bagi maksud-maksud menentukan sama ada tumbuh-tumbuhan tersebut berpenyakit atau sama ada tanah tersebut atau sebarang tumbuhan yang berada di atasnya dalam keadaan yang boleh menyebabkan terjadi atau merebaknya sebarang binatang musuh tumbuhan ; dan

(b) untuk memindahkan dengan memotong, menggali atau sebaliknya, bahagian dari sebarang tumbuhan yang sedemikian yang difikirkannya mustahak bagi maksud-maksud pemeriksaan dan penyiasatan.

(2) Tuanpunya atau penduduk tanah tersebut hendaklah membenarkan tiap-tiap pegawai pemeriksa memasuki ke atas tanah itu bagi maksud-maksud tersebut dan hendaklah memberi kepada pegawai tersebut semua maklumat yang sedemikian sebagaimana yang dikehendaki olehnya dan perlu bagi maksud-maksud tersebut.

Kuasa untuk
mengarahkan
pemusnahaan
atau rawatan
ke atas
tumbuh-
tumbuhan
dan
binatang-
binatang
musuh
tumbuhan
atau
rawatan
tanah

7. (1) Jika, apabila atau akibat dari sebarang pemeriksaan tanah atau tumbuh-tumbuhan atau hasil binatang oleh seorang pegawai pemeriksa, nampaknya kepada pegawai pemeriksa tersebut bahawa mana-mana tumbuhan atau hasil binatang tersebut adalah berpenyakit secara atau setakat yang mungkin membahayakan tumbuh-tumbuhan lain, maka pegawai pemeriksa itu boleh dengan notis bertulis yang ditandatanganinya, dialamatkan kepada tuanpunya atau penduduk tanah di mana tumbuhan atau hasil binatang tersebut berada, mengarahkannya untuk mengambil dalam masa yang disebutkan dalam notis itu tindakan-tindakan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh pegawai pemeriksa itu untuk memusnahkan atau mencegah merebaknya binatang musuh tumbuhan sama ada dengan pemusnahaan dengan pemindahan atau dengan rawatan atau mengikut suatu cara yang ditentukan dalam notis tersebut bagi tumbuhan yang berpenyakit itu atau sebarang tumbuhan lain, atau hasil binatang, atau sebarang binatang musuh tumbuhan atau sebarang perkakas atau alat yang digunakan bagi maksud-maksud pertanian di atas tanah tersebut dan kos bagi langkah-langkah tersebut dan bagi melakukannya hendaklah dibayar oleh tuanpunya atau penduduk tanah tersebut.

(2) Jika, apabila atau akibat dari sebarang pemeriksaan tanah atau tumbuh-tumbuhan atau hasil binatang oleh seorang pegawai pemeriksa, nampaknya kepada pegawai

tersebut bahawa sebarang tanah atau tumbuhan atau hasil binatang itu berada dalam keadaan yang boleh menyebabkan terjadi atau merebaknya sebarang binatang musuh tumbuhan, maka pegawai pemeriksa tersebut boleh dengan notis bertulis yang ditandatanganinya, dialamatkan kepada tuanpunya atau penduduk tanah di atas mana keadaan tersebut ada terjadi, mengarahkannya untuk mengambil dalam masa yang disebutkan dalam notis itu tindakan-tindakan sedemikian sebagaimana yang ditentukan dalam notis tersebut bagi merawat tanah atau tumbuhan atau sebarang perkakas atau alat yang digunakan bagi maksud-maksud pertanian diatas tanah tersebut dengan tujuan agar tanah dan benda-benda yang lain itu berada dalam keadaan yang tidak menyebabkan terjadi atau merebaknya sebarang binatang musuh tumbuhan dan belanja bagi tindakan-tindakan tersebut yang dianggap perlu atau mustahak oleh pegawai pemeriksa itu bagi menghapuskan atau mencegah merebaknya binatang musuh tumbuhan sama ada dengan pemusnahan dengan pemindahan atau dengan rawatan mengikut cara yang ditentukan bagi tumbuhan yang berpenyakit atau sebarang tumbuhan lain, atau hasil binatang, atau sebarang binatang musuh tumbuhan atau sebarang perkakas atau alat yang digunakan bagi maksud-maksud pertanian di atas tanah tersebut dengan tujuan agar tanah dan benda-benda yang lain itu berada dalam keadaan yang tidak menyebabkan terjadi atau merebaknya sebarang binatang musuh tumbuhan, dan kos bagi tindakan-tindakan tersebut dan bagi melakukannya hendaklah dibayar oleh tuanpunya atau penduduk tanah tersebut.

8. (1) Jika mana-mana tuanpunya atau penduduk tanah kepada siapa suatu notis di bawah peruntukan-peruntukan bab 7 telah diberi berpendapat bahawa sebarang tindakan atau perbuatan yang dikehendaki oleh notis tersebut untuk dilakukan atau dibuat adalah tidak munasabah atau perlu, maka dia boleh, dengan suatu permohonan bertulis yang dialamatkan kepada Menteri dan dihantar secara pos yang berdaftar, atau sebaliknya dihantar, kepada Menteri tersebut,

Hak untuk
merayu

dalam tempoh empat belas hari dari penyampaian notis tersebut, dan menyatakan alasan-alasan di atas mana permohonan tersebut didasarkan, memohon supaya suatu perintah membatalkan atau mengubah kehendak-kehendak notis tersebut dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai pemeriksa yang menandatangani notis tersebut bahawa permohonan yang sedemikian telah dibuat.

(2) Menteri hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas penerimaan permohonan tersebut, mengesahkan atau menangguhkan dari dijalankan notis itu atau membatalkan notis itu atau membuat lain-lain perintah sedemikian sebagaimana yang dianggapnya patut.

Menguat-kuasa mana-mana tindakan yang dikehendaki oleh mana-mana notis di bawah bab 7 atau perintah di bawah bab 13 (1)

9. (1) Jika mana-mana tuanpunya atau penduduk tanah kepada siapa suatu notis di bawah peruntukan-peruntukan bab 7 atau orang yang disebutkan dalam sebarang perintah yang dibuat di bawah bab 13 (1) telah diberi gagal menurut kehendak-kehendak notis atau perintah tersebut (menurut mana-mana yang berkenaan) dalam tempoh yang disebutkan dalam notis atau perintah itu bagi melakukan tindakan-tindakan yang dikehendakinya untuk dilakukan, maka pegawai pemeriksa boleh, tertakluk kepada sebarang perintah yang dibuat di bawah bab 8 oleh Menteri mengenai suatu notis yang diberi di bawah bab 7, memasuki ke atas tanah yang disebutkan oleh notis atau perintah itu bersama-sama dengan orang-orang, alat-alat perkakas dan barang-barang yang dianggap perlu dan boleh melakukan atau membuat ke atasnya segala tindakan dan perbuatan yang dikehendaki oleh notis atau perintah tersebut untuk dilakukan atau dibuat, dan boleh mendapati semula kos, dan semua perbelanjaan yang terkena dalam melakukannya daripada tuanpunya itu di dalam mana-mana Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak.

(2) Tiada apa-apa pun dalam bab ini akan menyentuh sebarang tanggungan mana-mana orang untuk didakwa dan dihukum di bawah bab 10 atau bab 14.

- 10.** Jika mana-mana tuanpunya atau penduduk tanah kepada siapa suatu notis di bawah peruntukan-peruntukan bab 7 telah diberi gagal mematuhi notis itu dalam tempoh yang disebutkan di dalamnya, maka dia adalah bersalah : Hukuman, denda \$1000 :

Hukuman
kerana
ingkar

Dengan syarat bahawa tiada sesiapa pun boleh dihukum di bawah bab ini kerana gagal mematuhi sebarang notis dari masa yang kehendak-kehendaknya mungkin telah ditangguh atau dibatalkan oleh Menteri di bawah peruntukan-peruntukan bab 8 :

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika Menteri telah di bawah peruntukan-peruntukan bab 8 membuat suatu perintah mengubah syarat-syarat dari mana-mana notis tersebut, maka notis yang diubahkan itu hendaklah bagi maksudmaksud bab ini dan bab 9 dianggap sebagai notis di bawah bab 7.

- 11.** (1) Atas sabitan kesalahan mana-mana orang di bawah bab 10 atau bab 14 maka Mahkamah yang membicarakan sabitan kesalahan itu boleh memerintahkan orang yang disabitkan itu untuk mengambil, dalam tempoh yang akan ditetapkan oleh Mahkamah itu, langkah-langkah yang gagal diambil bagi yang mana sabitan kesalahan telah dijatuhkan.

Kuasa
Mahkamah
yang
mensabitkan
kesalahan
untuk
memerintah-
kan
supaya
tindakan
diambil

(2) Jika mana-mana orang gagal mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1), maka dia adalah bersalah : Hukuman, denda \$50 bagi tiap-tiap hari kegagalan tersebut diteruskan.

- 12.** (1) Manakala suatu binatang musuh tumbuhan yang merbahaya atau sebarang tumbuhan yang dihidap oleh suatu binatang musuh tumbuhan yang merbahaya, didapati atau berada di atas sebarang tanah, maka tuanpunya atau penduduk tanah tersebut hendaklah —

Kewajipan
apabila
ternampak
suatu
binatang
musuh
tumbuhan
yang
merbahaya

(a) apabila dia mengetahui bahawa hal itu telah didapati atau berada di atas tanahnya, dengan serta-merta

memberitahu hal itu secara bertulis atau sebaliknya kepada Pengarah Pertanian atau kepada mana-mana pegawai pemeriksa bersama-sama dengan butir-butir sedemikian sebagaimana yang ditetapkan ; dan

(b) menjalankan semua arahan-arahan yang diberi kepadanya oleh mana-mana pegawai pemeriksa bagi memusnahkan binatang musuh tumbuhan yang merbahaya atau tumbuh-tumbuhan yang berpenyakit di atas tanah tersebut ; dan

(c) memberi segala bantuan yang dia berdaya dalam menjalankan sebarang tindakan oleh mana-mana pegawai pemeriksa bagi maksud memusnahkan binatang musuh tumbuhan yang merbahaya atau tumbuh-tumbuhan yang berpenyakit di atas tanah tersebut.

(2) Barangsiapa yang melakukan suatu perbuatan melanggar peruntukan-peruntukan ceraian (1) adalah bersalah : Hukuman, denda \$2000.

(3) Mana-mana pegawai pemeriksa yang menerima sebarang notis menurut peruntukan-peruntukan perenggan (a) ceraian (1) hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengarah Pertanian akan penerimaan notis tersebut.

Kuasa
untuk
mengambil
tindakan
terhadap
binatang
musuh
tumbuhan
yang
merbahaya

13. (1) Jika pada pendapat Menteri bahawa penghapusan, pemusnahaan atau rawatan sebarang tumbuhan yang berpenyakit di atas mana-mana tanah yang diserang oleh suatu binatang musuh tumbuhan yang merbahaya atau sebarang tumbuhan yang mungkin terkena jangkit, adalah suatu perkara yang perlu atau mustahak disegerakan, atau jika Menteri fikirinya perlu bagi mencegah merebaknya sebarang binatang musuh tumbuhan yang merbahaya supaya sebarang tanah dibersihkan sama sekali dari segala tumbuh-tumbuhan atau sebarang jenis tumbuhan yang tertentu, atau bahawa penghapusan atau pemusnahaan atau sebarang bentuk rawatan bagi sebarang tumbuhan yang ada di atas mana-mana

tanah adalah dikehendaki, maka Menteri boleh dengan serta-merta membuat suatu perintah bertulis memerintahkan bagi penghapusan atau pemusnahan ataupun menentukan rawatan bagi tumbuhan tersebut, atau supaya dibersihkan tanah tersebut oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam perintah itu dan menurut sebarang arahan yang terkandung dalam perintah tersebut, dan kos bagi, dan semua perbelanjaan yang terkena dalam penghapusan, pemusnahan, pembersihan atau rawatan tersebut hendaklah dibayar oleh tuan-punya atau penduduk tanah di atas mana tindakan yang dikehendaki oleh perintah tersebut diambil dan jika kos atau perbelanjaan-perbelanjaan tersebut telah dibelanjakan oleh mana-mana orang selain dari tuan-punya atau penduduk itu maka orang tersebut boleh mendapat semula kos dan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut daripada tuan-punya atau penduduk itu di dalam mana-mana Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak.

(2) Jika pada pendapat Menteri bahawa keselamatan mana-mana tumbuhan yang tumbuh dalam Negara Brunei Darussalam adalah dalam bahaya oleh kerana adanya suatu binatang musuh tumbuhan yang merbahaya di atas tumbuhan tersebut atau di atas sebarang tumbuhan lain, dan nampaknya kepadanya bahawa keselamatan tumbuhan tersebut tidak dapat terjamin dengan betul dengan tindakan yang diperintahkan untuk diambil di bawah ceraian (1) oleh mana-mana tuan punya atau penduduk tanah yang bersendirian itu maka Menteri boleh dengan serta-merta memerintah seorang pegawai pemeriksa untuk memasuki ke atas mana-mana tanah yang ditentukan itu bersama-sama dengan orang-orang dengan alat-alat perkakas atau barang-barang sebagaimana yang perlu dan mengambil atau menyebabkan supaya diambil sebarang tindakan yang dibenarkan oleh Menteri bagi penghapusan, pemusnahan atau pengawalan binatang musuh tumbuhan yang merbahaya itu, sama ada atau tidak binatang musuh tumbuhan yang merbahaya itu berada di atas tanah tersebut.

Hukuman
kerana
ingkar

14. Jika mana-mana tuanpunya atau penduduk tanah kepada siapa suatu perintah di bawah peruntukan-peruntukan dari bab 13 (1) telah diberi gagal mematuhi kehendak-kehendak perintah itu, maka dia adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$2000.

Peruntukan-
peruntukan
mengenai
gantirugi

15. (1) Jika mana-mana tumbuhan telah dimusnahkan menurut suatu perintah, atau akibat dari mana-mana tindakan yang diambil di bawah bab 13, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh, atas budibicara baginda, memerintahkan supaya dibayar wang yang berpatutan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh baginda sebagai gantirugi.

(2) Tiada permohonan gantirugi akan dilayan melainkan ianya dibuat secara bertulis dan diterima di pejabat Pengarah Pertanian dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perintah yang menghendaki pemusnahan tumbuhan tersebut.

(3) Tertakluk kepada bab ini tuanpunya atau penduduk tanah atau mana-mana orang lain tidak berhak mendapat gantirugi kerana sebarang perbelanjaan yang terkena atau kerosakan akibat dari sebarang notis atau perintah yang diberi atau perbuatan yang dilakukan menurut Akta ini atau mana-mana aturan yang dibuat di bawahnya melainkan kerosakan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian atau perbuatan jahat, dan tanpa sebab yang berpatutan.

Larangan
bagi
peng-
importan
atau
pemilikan
tumbuh-
tumbuhan
yang
merosakkan

16. Tiada sesiapa pun kecuali Pengarah Pertanian, atau seseorang yang dibenarkan olehnya secara bertulis bagi maksud itu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sedemikian sebagaimana Pengarah Pertanian memikirkan patut dikenakan, boleh —

(a) mengimport sebarang tumbuhan yang merosakkan ; atau

(b) memiliki atau memelihara sebarang tumbuhan

yang merosakkan atau membenarkan tumbuhan tersebut ditanam di dalam atau di atas sebarang tanah yang dipunyai atau didudukinya.

17. Jika sebarang tumbuhan yang merosakkan ditanam dengan tidak sah di dalam atau di atas sebarang tanah maka tuanpunya atau penduduk itu hendaklah dengan sebeberapa segera yang boleh menyebabkan tumbuhan yang merosakkan itu dimusnahkan sama sekali dan dengan berkesan dengan membakar atau sebarang cara lain.

Kewajipan untuk memusnahkan tumbuh-tumbuhan yang merosakkan

18. Jika mana-mana orang gagal memusnahkan sama sekali atau dengan berkesan akan sebarang tumbuhan yang merosakkan yang mana, menurut peruntukan-peruntukan bab 17 dia dikehendaki memusnahkan, maka seorang pegawai pemeriksa boleh memasuki ke atas tanah di dalam atau di atas mana tumbuhan yang merosakkan itu ada ditanam, bersama-sama dengan orang-orang, alat-alat perkakas dan barang-barang yang perlu bagi maksud memusnahkannya, dan boleh memusnahkan tumbuhan itu dan boleh mendapatkan balik belanja dan semua perbelanjaan yang terkena dalam melakukan pekerjaan itu daripada tuanpunya atau penduduk tanah tersebut di dalam mana-mana Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak.

Tindakan jika tumbuhan yang merosakkan tidak dimusnahkan

19. Mana-mana pegawai kastam dan mana-mana pegawai pemeriksa di mana-mana tempat di mana sebarang tumbuhan yang merosakkan diimport dengan cara yang tidak sah boleh merampas dan memusnahkan tumbuhan itu dan tiada sesiapa pun akan berhak mendapat sebarang gantirugi bagi sebarang tumbuhan yang merosakkan yang dirampas dan dimusnahkan itu.

Kuasa pegawai-pegawai kastam untuk memusnahkan tumbuh-tumbuhan yang merosakkan

20. Barangsiapa yang melanggar mana-mana peruntukan dari bab 16 atau 17 adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$1,000 dengan tidak menghiraukan bahawa seorang pegawai pemeriksa boleh mengambil, atau mungkin telah mengambil, tindakan di bawah bab 18.

Hukuman

Pemindahan secara jenayah binatang-binatang musuh tumbuhan atau tumbuhan yang merosakkan

Menyampaikan notis-notis dan perintah-perintah

21. Barangsiapa yang dengan diketahuinya memindah atau mengangkut atau menyebabkan dipindah atau supaya dipindah atau diangkut di dalam Negara Brunei Darussalam akan sebarang binatang musuh tumbuhan yang merbahaya atau tumbuhan yang merosakkan adalah bersalah : Hukuman, penjara selama enam bulan atau denda sebanyak \$2,000.

22. (1) Mana-mana notis atau perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Akta ini boleh disampaikan dengan cara yang berikut, ia itu —

(a) jika orang kepada siapa ianya dialamatkan berada di dalam Negara Brunei Darussalam maka notis atau perintah itu bolehlah dihantar kepadanya atau ditinggalkan dengan mana-mana keluarganya yang dewasa (selain dari seorang gajian) yang tinggal bersamanya ; atau

(b) jika notis atau perintah itu tidak dapat disampaikan sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (a), maka ianya bolehlah dihantar kepadanya dengan pos yang berdaftar ke alamatnya yang penghabisan sekali diketahui ; atau

(c) jika notis atau perintah itu tidak dapat disampaikan sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan-perenggan (a) atau (b), atau jika tidak diketahui tuanpunya atau penduduk tanah itu, maka ianya bolehlah ditampal di tempat yang terang di atas tanah itu.

(2) Maka tidaklah perlu disebutkan nama tuanpunya atau penduduk tanah di dalam mana-mana notis atau perintah tersebut jika tanah yang baginya notis atau perintah itu dibuat ada menyebut atau menyatakan nama di dalamnya atau sebaliknya.

(3) Tiap-tiap notis atau perintah tersebut hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa lain yang, pada pendapat pegawai yang menandatangani notis atau perintah itu, mungkin menjadikannya dapat difahami oleh orang kepada siapa ianya disampaikan :

Dengan syarat bahawa tiada notis atau perintah boleh dianggap kurang baik atau tidak memadai disebabkan semata-mata oleh bahasa yang digunakan baginya.

23. Tiada pendakwaan boleh dijalankan dalam mana-mana Mahkamah terhadap mana-mana orang kerana sebarang perbuatan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana aturan yang dibuat di bawahnya kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pendakwaan
hendaklah
dibenarkan
oleh
Pendakwa
Raya

24. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh dari masa ke semasa membuat aturan-aturan bagi menjalankan dengan sepenuhnya dan berkesan dan tepat kepada maksud Akta ini, dan, dengan tidak menyentuh keluasan makna syarat yang disebutkan di atas, aturan-aturan tersebut boleh memperuntukkan bagi —

Aturan-
aturan

(a) kuasa-kuasa dan tugas-tugas pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Akta ini ;

(b) cara memasuki ke atas tanah dan notis, jika ada, yang akan diberi sebelum memasuki tanah tersebut ;

(c) menjalankan pemeriksaan tumbuh-tumbuhan dan perbuatan-perbuatan lain yang dibenarkan oleh Akta ini ;

(d) pemberitahuan oleh tuan-tuanpunya atau penduduk-penduduk tanah tentang sebarang tumbuhan yang didapati berpenyakit akibat dari serangan suatu binatang musuh tumbuhan yang merbahaya ;

- (e) bentuk notis-notis, perintah-perintah dan permohonan-permohonan di bawah Akta ini ;
- (f) pengawalan, dan syarat-syarat mengawal import atau export tumbuh-tumbuhan atau binatang-binatang musuh tumbuhan ;
- (g) mengkuarantinkan tanah ;
- (h) mengawal sebarang tumbuhan atau binatang musuh tumbuhan di dalam Negara Brunei Darussalam ;
- (i) bayaran-bayaran yang akan dikenakan ;
- (j) hukuman-hukuman, tidak lebih dari denda sebanyak \$1,000 kerana sebarang perbuatan melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan dari mana-mana aturan yang dibuat di bawah bab ini atau mana-mana lesen yang diberi di bawah mana-mana aturan tersebut.

(2) Semua aturan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Negeri dengan seberapa segera yang boleh selepas ianya dibuat, dan jika suatu ketetapan diluluskan dalam tempoh empat bulan selepas mana-mana aturan tersebut telah dibentangkan membantalkan aturan-aturan itu atau mana-mana bahagiannya mulai dari suatu tarikh yang tertentu, maka aturan-aturan itu atau mana-mana bahagiannya, menurut mana-mana yang berkenaan, hendaklah selepas itu menjadi batal mulai dari tarikh tersebut, tetapi dengan tidak menyentuh sahnya sebarang apa pun yang telah dilakukan sebelum itu di bawah aturan-aturan tersebut atau bagi membuat aturan-aturan baru.